

TARIKH: 1/1/2023  
SURAT KHABAR: BERITA HARIAN  
MUKA SURAT: 8

# Syor SKM jadi sijil tunggul TVET

**Putrajaya:** Kementerian Sumber Manusia mencadangkan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dijadikan sebagai perisian tunggual Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Menterinya, V Sivakumar, berkata langkah itu perlu ekoran kecelaruan pelaksanaan TVET di Malaysia yang berpunca daripada kewujudan pelbagai sijil TVET yang dilaksanakan oleh dua agensi kawalselia, iaitu Jabatan Pembinaan Kemahiran dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Katanya, memang wajar SKM yang berasaskan Standard Kemahiran Pekerjaan kebangsaan, di bawah kawal selia Jabatan Pembangunan Kemahiran ditetapkan sebagai perisian tunggual TVET untuk semua program TVET Tahap Satu hingga Lima dalam Kerangka Kelayakan Malaysia.

"Penyeragaman program TVET Tahap Satu hingga Lima berasaskan SKM dalam Kerangka Kelayakan Malaysia akan menjadi satu wadah baharu dalam memperkasa

TVET negara," katanya dalam Amanat Tahun Baharu 2023 di sini semalam.

## Tambah baik program

Sivakumar berkata, Jabatan Tenaga Manusia juga perlu menilai semula program yang ditawarkan agar menepati keperluan semasa industri dan tidak wujud ketakpadanan.

"Kursus yang ditawarkan perlu ditambah baik dengan elemen digitalisasi, automasi dan lain-lain yang selari dengan keperluan Revolusi Industri 4.0," katanya.

Sivakumar dalam kenyataan kelmarin memaklumkan Je-mah Menteri pada 7 Disember lalu membuat keputusan untuk memindahkan fungsi Sekretariat Majlis TVET Negara kepada Kementerian yang dahulunya di bawah Kementerian Pengajian Tinggi.

"Kementerian Sumber Manusia perlu mengetahui inisiatif untuk memberikan imej baharu kepada TVET supaya tidak lagi dilihat sebagai pilihan kedua atau pilihan alternatif," katanya. **BERNAMA**



Jabatan Tenaga Manusia perlu menilai semula program ditawarkan agar menepati keperluan semasa industri.

## SPA nafi beri maklumat calon kepada agensi tawar kerja

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) menafikan memberi maklumat calon kepada pihak de-

"Pihak tidak bertanggungjawab itu membuat hantaran mesej kepada mangsa yang mendakwa mendapat nombor telefon daripada SPA.